

Pelajar NTU dan NUS kongsi pengalaman tinggal di asrama

► DAYANA AZMI
dynazmi@sph.com.sg

Tinggal di asrama universiti atau di rumah?

Ini satu soalan penting yang perlu dipertimbangkan pelajar di Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

Keputusan ini bukan sahaja mengenai tempat tinggal mereka, malah memberi kesan kepada gaya hidup, kebebasan dan pengalaman sosial mereka.

"Tinggal di asrama dapat menjimatkan masa. Sebelum ini, saya terpaksa menghabiskan hampir dua jam setiap hari untuk ke kampus yang terletak di kawasan barat Singapura," kata Encik Muhammad Afif Kamaludin, mahasiswa NTU, 23 tahun, yang tinggal di timur Singapura.

Beliau, yang mengejar ijazah dalam bidang kejuruteraan alam sekitar, menambah bahawa beliau semakin berdaya dalam menjalankan tugas harian seperti membersihkan bilik air dan menjaga kebersihan bilik sendiri serta menguruskan kewangan peribadinya dengan penuh disiplin supaya saya mempunyai wang yang mencukupi sehingga akhir semester.

"Pastinya saya rindukan keluarga dan keselesaan tinggal di rumah. Terutama sekali saya rindukan masakan ibu saya, katil saya yang lembut dan juga pendingin hawa dalam bilik saya." Menariknya, beliau menggantung rambut rakan-rakan asrama untuk tambahan wang belanja.

"Saya menggantung rambut di luar bilik saya dan ini menarik perhatian banyak orang yang sebelumnya tidak saya kenal. Sekarang saya memiliki sekitar 20 pelanggan setia," katanya.

Namun, seperti kebanyakan pelajar yang tinggal di asrama, Encik Afif juga menghadapi beberapa cabaran. Seperti contoh, berkongsi bilik bersama



FAHAMI AMALAN: Cik Aisha Shamsudin (dua dari kanan), pelajar NUS berusia 23 tahun, bersahur dengan kawannya semasa bulan Ramadan. Turut makan bersama ialah pelajar yang menyertai program pertukaran sekolah dan bukan Islam. – Foto ihsan AISHA SHAMSUDIN

ma rakan asrama yang tidak dikenali boleh menjadi satu cabaran.

Pengalaman tahun pertama, hubungannya dengan rakan asrama agak janggal dan beliau tidak berasa terlalu selesa.

Kini, dalam tahun keduanya, beliau berkongsi bilik bersama rakan baiknya tetapi cubaan baru muncul.

Beliau mengakui keinginan untuk

bergaul dan berseronok bersama rakan-rakannya kadangkala boleh mengganggu tumpuan mereka untuk belajar.

"Keinginan untuk *lepak* dengan *member-member* dan makan lewat malam selalunya kuat dan agak sukar untuk menolak tawaran mereka. Jadi, nasihat saya adalah untuk sentiasa mencari keseimbangan antara masa

bersosial dengan masa untuk menumpukan perhatian pada pembelajaran," ujar beliau.

Cik Aisha Shamsudin, pelajar tahun empat NUS berusia 23 tahun yang tinggal di Kolej Kediaman Ridge View (RVRC), bersyukur dengan bantuan kewangan yang diterima.

Beliau, yang tinggal di asrama se-



KEHIDUPAN SOSIAL: Encik Muhammad Afif Kamaludin (kiri), mahasiswa NTU, 23 tahun, yang tinggal di 'Hall 2' menasihati bakal pelajar yang ingin tinggal di asrama untuk berdisiplin mencari keseimbangan antara masa bersosial dan masa tertumpu pada pembelajaran. – Foto ihsan MUHAMMAD AFIF KAMALUDIN

jak tahun satu, berkongsi bahawa beliau menerima kira-kira \$2,500 dan menambah lebih kurang \$1000 untuk bayaran asrama dalam satu semester.

Ditanya mengapa beliau memilih untuk tinggal di asrama selama empat tahun, beliau berkata: "Tinggal di asrama membuka jalan kepada pertumbuhan diri dan membina hubungan sosial yang kukuh."

Contohnya, beliau, yang minat dalam isu-isu kesihatan mental, berpeluang menjadi sukarelawan dalam program 'Peer Student Supporter' atau penyokong pelajar rakan sebaya di RVRC, yang bertujuan mendengar luahan hati rakan asrama yang memerlukan.

Antara saat yang menjadi kenangan manis bagi Cik Aisha ialah bersahur bersama rakan-rakan asrama.

Beliau menambah bahawa kadangkala, kawan-kawan berbangsa lain juga akan turut menemani mereka semasa sahur dan mempelajari lebih tentang budaya orang Islam.

"Biar pun tidak dapat bersama keluarga, saya masih boleh merasakan kemeriahan Ramadan yang 'dihidupkan' dalam masyarakat di RVRC," kata beliau.

Seorang lagi mahasiswi NUS dalam bidang kejuruteraan kimia, yang hanya ingin dikenali sebagai Cik Nao-mi, memberi perspektif bahawa pada mulanya agak sukar menyesuaikan diri dengan persekitaran asrama dengan orang berlainan budaya.

"Kadangkala, rakan-rakan asrama saya bergaul melalui aktiviti yang mungkin tidak selari dengan nilai agama saya. Saya cuba berpegang pada prinsip agama walaupun kadangkala saya rasa ketinggalan atau tertekan."

"Semakin masa berlalu setelah saya melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti dan kelab di asrama, saya dapat membina hubungan mesra dengan rakan-rakan daripada pelbagai bangsa dan agama yang memahami dan menyokong saya," kata beliau.

“ Tinggal di asrama dapat menjimatkan masa. Sebelum ini, saya terpaksa menghabiskan hampir dua jam setiap hari untuk ke kampus yang terletak di kawasan barat Singapura. Pastinya saya rindukan keluarga dan keselesaan tinggal di rumah. Terutama sekali saya rindukan masakan ibu saya, katil saya yang lembut dan juga penghawa dingin dalam bilik saya. **”**

– Encik Muhammad Afif Kamaludin, mahasiswa NTU, 23 tahun yang tinggal di timur Singapura.



TUKANG GUNTING RAMBUT: Encik Muhammad Afif Kamaludin (berdiri), mahasiswa NTU, 23 tahun, yang tinggal di 'Hall 2' menggantung rambut rakan asrama untuk mendapat lebih wang perbelanjaan. – Foto ihsan MUHAMMAD AFIF KAMALUDIN